

TARIKH	8 / 5 / 2015	SEKSYEN	MUKA DEPAN
MUKA SURAT	1	RUANGAN	

Tabung Haji akui beli satu plot tanah bagi pembangunan sebuah menara kediaman di kawasan seluas 1.56 ekar dengan kadar RM188.5 juta

SAH BELI TANAH 1MDB

10

“ Blog kata kita akan beli tanah itu dengan harga RM2,860 (setiap) kaki persegi. Itu tak betul. Nilai itu diberikan oleh badan penilai bebas profesional. Tetapi jumlah pembelian keseluruhan yang kita setuju ialah RM188.5 juta, iaitu dengan harga RM2,700 (setiap) kaki persegi. Signature tower tidak dibeli setelah dinilai tidak akan beri pulangan kepada kita.”

- Timbalan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Datuk Johan Abdullah



Johan membuat laporan polis di Balai Polis Dang Wangi terhadap pemilik blog yang dikatakan telah menyebarkan dokumen sulit milik TH dengan cara salah.

Foto: SHARIFUDIN ABUL RAHIM

TARIKH	8 / 5 / 2015	SEKSYEN	NASIONAL
MUKA SURAT	10	RUANGAN	

Tabung Haji nafi dakwaan blog

■ SITI NURSYAHIDAH ABU BAKAR

KUALA LUMPUR - Lembaga Tabung Haji (TH) menafikan membeli dua plot tanah bernilai RM772 juta dan signature tower di pusat kewangan Tun Razak Exchange (TRX) seperti dilaporkan sebuah blog, kelmarin.

Timbalan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Datuk Johan Abdullah berkata, sebaliknya TH hanya beli satu plot tanah bagi pembangunan menara kediaman di kawasan seluas 1.56 ekar dengan kadar RM188.5 juta.

Menurutnya, kadar itu adalah selepas didiskaun berdasarkan nilai pasaran semasa, iaitu RM194 juta.

"Blog mengatakan kita akan beli tanah itu dengan harga RM2,860 (setiap) kaki persegi. Itu tak betul. Nilai itu adalah yang diberikan oleh badan penilai bebas profesional.

"Tetapi jumlah pembelian keseluruhan yang kita setuju ialah RM188.5 juta, iaitu dengan harga RM2,700 (setiap) kaki persegi. Manakala, signature tower tidak dibeli setelah dinilai tidak akan memberi pulangan kepada kita," katanya pada sidang media, semalam.

Beliau berkata, pembelian tanah tersebut yang ditandatangani pada 23 April lalu juga berdasarkan beberapa pertimbangan seperti pulangan yang akan diperolehi TH di masa depan.



Johan menjawab soalan pemberita ketika sidang media yang diadakan semalam.

"Apartmen perkhidmatan ini dijangka siap dalam tempoh tiga tahun lagi. Untuk tempoh tiga tahun itu, kita jangka nilai pembangunan kasar yang mampu dicapai ialah RM828 juta.

"Jadi ia bermakna pelaburan ini akan memberi pulangan 27 peratus. Penilaian ini yang menjadi asas kepada kita sebelum membuat sebarang pelaburan strategik," katanya.

Beliau menjelaskan nilai tanah tersebut adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan nilai tanah di kawasan strategik berdekatan.

"Dari segi perbandingan setengah kawasan strategik di kawasan Kuala Lumpur, harga yang mereka bayar lebih tinggi, iaitu RM3,180 (se-

tiap satu) kaki persegi. Malah, projek apartmen perkhidmatan di kawasan berdekatan ialah RM3,000 (setiap) kaki persegi," katanya.

Bukan untuk selamatkan 1MDB

Menurutnya, pembelian tanah itu juga bukannya untuk menyelamatkan syarikat pembangunan strategik milik kerajaan, 1Malaysia Development Bhd (1MDB), seperti didakwa blog tersebut.

"Jika untuk menyelamatkan ialah apabila orang dah patah kaki dan kita letak duit buta-butu. Tetapi (pembelian tanah) ini sudah melalui proses penilaian.

"Jika pulangan tidak seperti

yang diharapkan, kita tak kan labur," katanya.

Sehubungan itu, Johan berharap pembelian tanah tersebut tidak lagi dikaitkan dengan 1MDB.

"Mana-mana entiti yang berurusan adalah tidak relevan kepada kami. Sebaliknya kami melihat kepada potensi dan pulangan.

"Sama ada mereka (1MDB) dapat tanah itu dengan harga lebih murah juga tidak menjadi pertimbangan kami. Malah, kami tidak dapat desakan daripada mana-mana pihak untuk beli tanah itu," katanya.

Johan berkata, pelaburan itu juga adalah untuk manfaat masa depan pendeposit TH, terutama kepada bakal haji.

"Tabung Haji memberi subsidi kepada bakal haji yang pertama kali ke Tanah Suci. Kos untuk seorang jemaah haji ialah RM17,000 tetapi kami masih kenakan bayaran RM9,980. Jadi bayangkan berapa banyak subsidi yang diberi.

"Dari segi mendapatkan pulangan, ia agak mencabar. Maka kita perlu kreatif. Jadi kami sentiasa mencari peluang pelaburan yang bagus untuk (beri) manfaat kepada rakyat juga," katanya.

Beliau memberi jaminan kepada pendeposit supaya tidak khuatir kerana pembelian tanah itu tidak akan menjejaskan wang simpanan mereka.

"Tabung Haji mengamalkan konsep pelaburan Al Wadiah Yad Dhamanah. Apa yang kami dapat, kami akan beri balik kepada pendeposit.

"Orang ramai boleh nilai sendiri berdasarkan 'track record' kami sebagai pemegang amanah yang bersih. Jadi tiada sebab untuk pendeposit rasa bimbang," katanya.

Sementara itu, Johan membuat laporan polis di Balai Polis Dang Wangi jam 3.24 petang, semalam terhadap pemilik blog yang dikatakan telah menyiarkan dokumen sulit milik TH dengan cara salah.

"Ini dokumen sulit. Bagaimana dokumen tersebut boleh dimasukkan dalam blog itu?"

"Cara maklumat sulit itu digunakan iaitu dengan memanipulasi fakta telah menyebabkan ramai orang keliru. (Akibatnya) banyak andaian yang tidak betul timbul," katanya.

Katanya, TH juga akan menjalankan siasatan dalaman bagi mengenal pasti dalang di sebalik penyebaran dokumen tersebut.

"Kami memandang serius perkara ini dan ia sepatutnya tidak berlaku. Kita tidak boleh buat spekulasi jika ada yang mahu jatuhkan TH.

"Begitu juga sama ada wujud orang dalam terlibat dalam penyiaran dokumen itu. Tetapi kita akan buat siasatan dalaman ikut prosedur biasa," katanya.

FOTO: SHARILIN ABDULLAH